



## Hadiah video untuk badan kebajikan

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

*MENTERI* Kebajikan Am, Datin Paduka Hajjah Aishah Ghani (k a n a n / ) memerhatikan alat-alat video bersama sebahagian dari wakil 12 badan kebajikan.

Alat-alat video berharga \$3,000 tiap satu itu sumbangan Syarikat Jualan dan Khidmat Matsushita kepada badan-badan kebajikan berkenaan.



Dalam upacara di sebuah hotel di Kuala Lumpur semalam, Datin Paduka Hajjah Aishah Ghani mencadangkan syarikat tersebut membina kilang untuk pekerja cacat anggota, seperti di Okayama, Jepun.

Beliau menggalakan langkah Matsushita menghadiahkan sistem video itu kerana ia akan memberi hiburan dan menambahkan pengetahuan orang-orang tua dan golongan tidak bernasib baik. — Gambar Berita Harian.